

Warta Penerangan



OKTOBER 2017





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras/Penyemak/Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Poster Acara-acara Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta	5-8
Penglibatan warga Jabatan Penerangan dalam Sambutan Jubli Emas	9-11
Sentiasa bersyukur dalam kehidupan	12
Kerjasama bidang penyiaran dan penerangan terus dipertingkatkan	13
Taklimat Program Perkampungan Sivik	13
Kikis persepsi bekerja sementara di sektor swasta	14-15
Persiapkan peserta ke arah hidup berkerjaya	15-16
Bendera dan lagu kebangsaan identiti negara	16
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Peserta Program Perkampungan Sivik kongsi percambahan fikiran	18
DARe bantu pengusaha industri kecil dan sederhana	18
Delegasi Singapura didedahkan strategi kerja Jabatan Penerangan	19
Percambahan ilmu kepada para peserta Program Perkampungan Sivik	20
Peserta Perkampungan Sivik tinjau perusahaan ladang cili	20-21
Peserta Perkampungan Sivik didedahkan dengan pembuatan video	21
Peserta Program Perkampungan Sivik hadiri taklimat	22
Delegasi Singapura adakan lawatan	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



اچارا ۲ سمبون جوبلی امس کباوه دولي یغمها مليا
قادک سري بکيندا سلطان دان يغ دفتروان نکارا بروني داراسلام مناء یکي تخت

ACARA-ACARA

**SAMBUTAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA**

HARI DAN TARIKH	JAM	ACARA-ACARA	BERTEMPAT
Hari Selasa 12 Muhamarram 1439 bersamaan 3 Oktober 2017	8.00 Pagi	Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga	Bangunan Lapau, Bandar Seri Begawan
Hari Rabu 13 Muhamarram 1439 bersamaan 4 Oktober 2017	5.00 Petang	Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' dan Doa Kesukuran	Jame' Asr Hassanal Bolkiah dan semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara
Hari Khamis 14 Muhamarram 1439 bersamaan 5 Oktober 2017	7.15 Pagi	Istiadat Perbarisan Kawalan Kehormatan	Istana Nurul Iman
		Majlis Istiadat Mengadap	Istana Nurul Iman
	9.00 Pagi	Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan	Bandar Seri Begawan
Hari Jumaat 15 Muhamarram 1439 bersamaan 6 Oktober 2017	7.00 Malam	Majlis Persantapan Diraja	Istana Nurul Iman
Hari Ahad 17 Muhamarram 1439 bersamaan 8 Oktober 2017	2.00 Petang	Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga	Istana Nurul Iman
Hari Rabu 20 Muhamarram 1439 bersamaan 11 Oktober 2017	1.30 Petang	Majlis Khatam Al-Quran	Istana Nurul Iman
Hari Sabtu 23 Muhamarram 1439 bersamaan 14 Oktober 2017	7.30 Malam	Majlis Perasmian Jambatan Sungai Kebun, Perarakan Kapal-kapal dan Perahu-perahu Berhias dan Pertunjukan Bunga Api	Bandar Seri Begawan
Hari Rabu 27 Muhamarram 1439 bersamaan 18 Oktober 2017	2.00 Petang	Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja	Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan
Hari Ahad 2 Safar 1439 bersamaan 22 Oktober 2017	7.15 Pagi	Perarakan Kenderaan Berhias, Perasmian Eko Koridor dan Majlis Junjung Kasih dan Kesukuran	Bandar Seri Begawan



**SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA**



سَبِّيْلُكْ فَرْضٌ مَغْرِبٌ دان عشاء دان دعاء کشوكورن

**SEMBAHYANG FARDHU
MAGHRIB DAN ISYA'
DAN DOA KESYUKURAN**

**HARI RABU, JAM 5.00 PETANG
13 MUHARRAM 1439 BERSAMAAN 4 OKTOBER 2017**



**ORANG RAMAI ADALAH DIALU-ALUKAN HADIR KE
JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH DAN SEMUA MASJID, SURAU
DAN BALAI IBADAT DI SELURUH NEGARA**



HMjubliemas



HMjubliemas



HMjubliemas



Layari laman sesawang
rasmi Jubli Emas



قراسمين جمبتن سوڠاي کبون
قرارقن کاڤل ۲ دان ڤراهو ۲ برھیاس
دان ڤرتونجوقن بوغعا افي

**PERASMIAN JAMBATAN SUNGAI KEBUN,
PERARAKAN KAPAL-KAPAL DAN PERAHU-PERAHU BERHIAS
DAN PERTUNJUKAN BUNGA API**

SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA



**Hari Sabtu, Jam 7.30 Malam
23 Muharram 1439
bersamaan 14 Oktober 2017**



Orang ramai adalah dialu-alukan hadir...



HMjubilemas



HMjubilemas



HMjubilemas



Layari laman sesawang
rasmi Jubil Emas



قُرْارِقَنْ كَنْدِرَاْءَنْ بِرْهِيَّاسْ،
قُرْاسِمِينْ اِيْكُو كُورِيدُورْ دَانْ
مَجْلِيسْ جُونْجُوْغْ كَاسِيَهْ دَانْ كَشْكُورَنْ

**PERARAKAN KENDERAAN BERHIAS,
PERASMIAH EKO KORIDOR DAN
MAJLIS JUNJUNG KASIH DAN KESYUKURAN**

SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA



Hari Ahad, Jam 7.15 Pagi
2 Safar 1439 bersamaan 22 Oktober 2017
Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir...



Penglibatan warga Jabatan Penerangan dalam Sambutan Jubli Emas

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Abu Bakar Abdul Rahman/Hernie Suliana Haji Othman/Haji Mirazman Haji Othman

SAMBUTAN Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta adalah sambutan yang julung-julung kali diadakan.

Bagi sama-sama meraikan sambutan yang penuh gilang-gemilang ini, semua pihak kementerian, jabatan, swasta, para pelajar, belia dan orang ramai sama-sama terlibat menjayakannya.

Begitu juga dengan Jabatan Penerangan tidak ketinggalan menjadi salah sebuah jentera penggerak dalam sambutan ini yang memberikan kemudahan dan keselesaan kepada media luar dan dalam negara di Pusat Media yang terletak di Pusat Belia, Bandar

Seri Begawan. Sebanyak 15 buah jawatankuasa telah dibentuk untuk melicinkan lagi sambutan tersebut.

Selaku rakyat dan penduduk Brunei Darussalam yang taat dan menyayangi baginda, inilah masanya untuk membuktikannya, iaitu dengan sama-sama menyambut detik gilang-gemilang 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Raja yang adil dan bijaksana, sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan negara ini.

Sambutan seumpama ini merupakan satu sejarah yang penuh bermakna kepada semua lapisan rakyat jelata bagi menghargai kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan sumbangan besar baginda dalam menerajui hala tuju negara di sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa memberikan taklimat kepada para sukarelawan mengenai tugas dan tanggungjawab mereka sepanjang sambutan ini berlangsung.



KETUA MRO, Awang Karim bin Hamdan semasa memberikan serba sedikit penerangan kepada AJK MRO sebelum menjalankan tugas.



SEBAHAGIAN AJK yang terlibat semasa sambutan tersebut.



PUSAT Media di Pusat Belia sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Suasana di Pusat Media, Pusat Belia



SUASANA di Pusat Media semasa Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



KETUA-KETUA AJK semasa memberikan penjelasan kepada para sukarelawan mengenai tugas dan tanggungjawab mereka sepanjang sambutan ini berlangsung.



SUASANA semasa pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bertugas di Istana Nurul Iman.



DOA selamat dibacakan sebelum menjalankan tugas supaya dipermudahkan segala urusan.

PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan bertugas semasa Perarakan Kendaraan Berhias, Perasmian Eko Koridor dan Majlis Junjung Kasih dan Kesukuran. (atas dan bawah).



PRESS Kit Jubli Emas yang diagihkan kepada media dalam dan luar negara serta ahli jawatankuasa yang bertugas.



Sentiasa bersyukur dalam kehidupan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Oktober.

“Umat Islam digalakkan sentiasa bersyukur tidak kira di saat senang ataupun susah. Di saat senang manusia selalu leka dalam mengingati Allah Subhanahu Wata’ala. Tunggu kaya baru hendak bersedekah dan tunggu berdosa baru hendak bertaubat. Itulah apa yang sering terjadi kepada manusia.” Jelas Pegawai Pemasaran Pengurusan Avertu, iCentre, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli semasa menyampaikan tazkirah ‘Menuju Jalan Sebenar’ pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1439.

Majlis tersebut diadakan di Surau Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir dalam Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1439.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi menabur bunga rampai kepada jemaah haji yang telah pulang ke tanah air, Awang Haji Hashim bin Haji Murah, Pembantu Pejabat Cawangan Penerangan Tutong.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menabur bunga rampai kepada jemaah haji yang telah pulang ke tanah air, Dayang Hajah Timah binti OKB Haji Ali, Pembantu Kerani di Unit Sokongan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dikepalai oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban bagi menyambut kepulangan jemaah haji Jabatan Penerangan diketuai oleh Awang Haji Abdul Azim @ Haji Mu’az bin Haji Tujoh.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.



TURUT hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



TAZKIRAH ‘Menuju Jalan Sebenar’ pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1439 yang disampaikan oleh Pegawai Pemasaran Pengurusan Avertu, iCentre, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli.

Kerjasama bidang penyiaran dan penerangan terus dipertingkatkan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Oktober. - Hubungan kerjasama dalam bidang penyiaran dan penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus dipertingkatkan dengan pertukaran lawatan para pegawai dari kedua-dua buah negara.

Sehubungan itu, lima pegawai dari Republik Singapura kini berada di Negara Brunei Darussalam bagi Program Pertukaran Pegawai selama empat hari di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) bidang penyiaran dan penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dengan republik berkenaan.

Program pertukaran tersebut merupakan salah satu projek yang telah dipersetujui di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Singapura dalam bidang penerangan.

Delegasi yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Messaging and Engagement), Kementerian

Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Shakera Stationwala.

Ketibaan delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Penerangan.



KETIBAAN delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Penerangan.

Taklimat Program Perkampungan Sivik

Oleh: Unit Penerbitan Melayu/Foto: Syahi Haji Ludin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Oktober. - Para peserta Program Perkampungan Sivik diberikan taklimat terlebih dahulu sebelum mereka berkampung selama enam hari lima malam di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan yang diadakan di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.



ANTARA peserta Program Perkampungan Sivik yang mendengarkan taklimat tersebut.

Kikis persepsi bekerja sementara di sektor swasta

Oleh: Nooratini Haji Abas/Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Oktober. - Program Perkampungan Sivik menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta mengharungi cabaran masa depan, seterusnya mampu merebut peluang-peluang pekerjaan, bukan sahaja di sektor kerajaan, tetapi juga di sektor swasta.

Persepsi bekerja di sektor swasta sebagai pekerjaan sementara perlu dikikis. Ini kerana bekerja di sektor tersebut akan sama-sama memberikan peluang kepada para peserta menimba ilmu, disiplin, pengalaman, berdaya saing, keyakinan malah mereka lebih ‘marketable’, dinamik dan berdikari untuk menjadi individu yang berjaya sekali gus dapat menjana ekonomi negara.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua 2017 di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hari pertama Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua 2017 di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini, seterusnya menekankan para peserta untuk mempertingkatkan lagi kualiti dan kapsiti diri secara holistik.

“Ini adalah bagi mendukung matlamat dan aspirasi negara dengan cara memberikan sumbangan-sumbangan positif dan melibatkan diri secara langsung apatah lagi sebagai seorang yang lebih intelektual, berfikiran matang dan menjadi model insan dalam menjalani kehidupan seharian,” jelasnya lagi.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Seramai 26 peserta terdiri daripada lepasan ijazah institusi-institusi tertinggi dalam dan luar negara menyertai perkampungan kali ini yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Para peserta akan berkampung selama enam hari lima malam di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun serta berpeluang mengikuti pelbagai bentuk sesi perkampungan termasuk taklimat dan sesi dialog, sesi percambahan fikiran secara berkumpulan, aktiviti kerja berpasukan, sukan dan riadah, aktiviti keagamaan juga lawatan.



TAKLIMAT ringkas mengenai Perkampungan Sivik disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan.

Terdahulu, taklimat ringkas mengenai Perkampungan Sivik disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan.

Program berkenaan adalah projek yang dilaksanakan melalui strategi kerja jabatan, iaitu ‘Komunikasi Bersemuka’ selaras dengan visi jabatan sebagai salah satu agensi peneraju kerajaan dalam menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi kerajaan.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan serta ibu bapa juga para penjaga peserta.



ANTARA peserta Program Perkampungan Sivik.

Persiapkan peserta ke arah hidup berkerjaya

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Oktober. - Pelbagai aktiviti kerja berpasukan dalam sesi suai kenal perlu dijalani oleh para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2 Tahun 2017 anjuran Jabatan Penerangan bagi mempersiapkan diri mereka dalam menjalani hidup berkerjaya pada masa akan datang.

Aktiviti-aktiviti mencabar bagi membina keyakinan diri dan komunikasi dikendalikan oleh tenaga pelatih dari Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Dalam temu bual bersama mahasiswa lepasan Universiti Brunei Darussalam dalam Jurusan Fizik, Awang Mohamad Amiruddin bin Haji Hamdan berpendapat, walaupun aktiviti yang dilakukan kelihatan tidak penting, tetapi ia sangat menguntungkan para peserta untuk menyiapkan diri dari segi bekerjasama sesama pasukan pada masa akan datang terutamanya setelah memasuki bidang kerjaya.

Beliau yang meminati sektor perusahaan juga berharap dengan adanya lawatan-lawatan ke tempat-tempat yang telah diaturkan seperti ladang lada di Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan membolehkan beliau berinteraksi bersama pengusaha mengenai cabaran-cabaran dalam perusahaan dan cara-cara mengatasinya.



ANTARA aktiviti yang berkonsepkan membina semangat berpasukan yang dikendalikan oleh Outward Bound Brunei Darussalam.

Bagi Dayang Nur Diyana binti Haji Muhd. Hasrin, mahasiswi lepasan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Kimia Universiti Konkuk, Korea Selatan, beliau berminat menyertai program tersebut setelah mengetahui daripada rakan-rakan, dan merebut peluang tersebut untuk lebih mengenali sistem kerajaan negara dan juga sektor swasta.

“Saya berharap akan dapat berkongsi pengalaman semasa di Korea bersama rakan-rakan program dan juga tidak sabar untuk menghadiri taklimat dan melawat ke tempat-tempat yang telah dipilih di sepanjang program ini berlangsung,” tambahnya.

Para peserta akan berkampung selama enam hari lima malam di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun dan menjalani pelbagai aktiviti taklimat dan sesi dialog, aktiviti riadah, keagamaan dan juga lawatan.



SESI Suai Kenal para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2 Tahun 2017 dikendalikan oleh Outward Bound Brunei Darussalam.

Bendera dan lagu kebangsaan identiti negara

Oleh : Nooratini Haji Abas/Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Oktober. - Bendera merupakan simbol rasmi dan identiti sesebuah bangsa dan negara serta mempunyai reka bentuk tertentu yang digunakan sebagai lambang negara.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan semasa Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan bagi Program Perkampungan Sivik yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Menurutnya, setiap negara mempunyai bendera rasmi negara masing-masing termasuk peranannya kepada negara dan waktu menaikkan bendera dan sebagainya.

Bendera yang hendak dinaikkan atau dikibarkan jelasnya mestilah dalam keadaan baik dan sempurna (tidak koyak, luntur atau pudar warnanya) serta tidak boleh digunakan bagi tujuan iklan.

Seramai tujuh peserta Program Perkampungan Sivik lelaki dan 19 perempuan lepasan ijazah dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta lepasan ijazah dari seberang laut, iaitu United Kingdom, Korea Selatan dan Malaysia menghadiri taklimat berkenaan.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa memberikan taklimat mengenai Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Ke-2.

Peristiwa penting Jabatan Penerangan

PELITA Brunei keluaran 11 Oktober 1967 mencatatkan bahawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah ditabalkan menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29 dengan dikenali sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 5 Oktober 1967.

Dalam satu perisytiharan mengumumkan keputusan turun takhta Singgahsana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin - sekarang dikenali sebagai Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam - yang disiarkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha (Al-Marhum) selaku Ketua Adat Istiadat dalam satu pemasyhuran melalui Radio Brunei malam 4 Oktober 1967 yang berbunyi:

“Watikah ikhlas Watahfatulejnas, yang terbit daripada laila hati, hening lagi jernih yang tidak menaruh syak wasangka dan waham daripada beta Sir Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei memaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei bahwasanya beta dengan suacita mengatakan dari laila hasrat hati beta pada mengisyitharkan kepada Kerajaan dan seluruh rakyat ini, dan penduduk Negeri Brunei, bahwa dengan kesukaan beta sendiri turun dari takhta singgahsana Kerajaan pada hari Rabu 1 Rejab, 1387, 4 haribulan Oktober, 1967 adalah tetap dan muktamad, dan sekali-kali tidak boleh ditarik balik.”

Oleh yang demikian, sekali lagi beta mengisyitharkan kepada rakyat seluruhnya mengenai maksud beta turun dari takhta singgahsana Kerajaan adalah benar-benar dengan kesukaan Beta sendiri.”

Toleh Pandang Pelita Brunei

PELITA Brunei keluaran 11 Oktober 1967 mencatatkan bahawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah ditabalkan menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29 dengan dikenali sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 5 Oktober 1967.

Dalam satu perisytiharan mengumumkan keputusan turun takhta Singgahsana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin - sekarang dikenali sebagai Kebawah Duli (Yang Maha Mulia)

Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam - yang disiarkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha (Al-Marhum) selaku Ketua Adat Istiadat dalam satu pemasyhuran melalui Radio Brunei malam 4 Oktober, 1967 yang berbunyi:

“Watikah Ikhlas Watahfatulejnas, yang terbit daripada Laila hati, hening lagi jernih yang tidak menaruh syak wasangka dan waham daripada Beta Sir Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei memaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei bahwasanya Beta dengan suacita mengatakan dari Laila hasrat hati Beta pada mengisyitharkan kepada Kerajaan dan seluruh rakyat ini, dan penduduk Negeri Brunei, bahwa dengan kesukaan Beta sendiri turun dari takhta Singgahsana Kerajaan pada hari Rabu 1 Rejab, 1387, 4 haribulan Oktober, 1967 adalah tetap dan muktamad, dan sekali-kali tidak boleh ditarik balik.”

Oleh yang demikian, sekali lagi Beta mengisyitharkan kepada rakyat seluruhnya mengenai maksud Beta turun dari takhta Singgahsana Kerajaan adalah benar-benar dengan kesukaan Beta sendiri.”

Pedoman

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam.”
 - (Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ali Imraan, ayat 102).

Peserta Program Perkampungan Sivik kongsi percambahan fikiran

Oleh: Nooratini Haji Abas/Foto: Masri Osman

MUKIM SUNGAI KEBUN, Ahad, 29 Oktober. - Program Perkampungan Sivik diteruskan lagi dengan sesi percambahan fikiran secara berkumpulan yang diadakan di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Hadir bersama ialah Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan.



ANTARA peserta Program Perkampungan Sivik pada sesi percambahan fikiran.

Pada sesi tersebut para peserta memperkenalkan diri masing-masing, di samping menyatakan tujuan dan harapan menyertai program berkenaan.

Para peserta juga mengikuti aktiviti permainan dengan meneka pasangan masing-masing secara berkumpulan.



SEBAHAGIAN peserta Program Perkampungan Sivik yang hadir.

DARe bantu pengusaha industri kecil dan sederhana

Berita dan Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Oktober. - Seramai 27 peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua 2017, menghadiri taklimat mengenai perniagaan yang diadakan di Auditorium, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa.

persekitaran perniagaan yang kondusif, iaitu proses mendapatkan kebenaran yang cepat, kos yang lebih rendah dan undang-undang yang pro-perniagaan.

Para peserta perkampungan sivik juga berpeluang melawat ‘Business Helpdesk’ yang terletak di Bangunan D&T.



PESERTA-PESERTA yang menyertai Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam yang menghadiri taklimat berkenaan.

Taklimat pertama disampaikan oleh pegawai yang mewakili Darussalam Enterprise (DARe), Awang Mohd. Khairul Azmi bin Haji Mohd. Salleh, yang antara lain menjelaskan mengenai peranan DARe dalam membangunkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana mikro tempatan.

Taklimat kedua disampaikan oleh Pegawai dari Unit Ease of Doing Business, Awang Zulfadli bin Abu Bakar.

Dalam taklimatnya, beliau antara lain menjelaskan, terdapat tiga perkara yang perlu bagi mencapai

Delegasi Singapura didedahkan strategi kerja Jabatan Penerangan

Oleh: Aimi Sani/Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Oktober. - Jabatan Penerangan telah menerima delegasi bagi Program Pertukaran Pegawai daripada Republik Singapura yang berada di negara ini bagi siri lawatan selama empat hari.

Rombongan seramai lima pegawai tersebut diketuai oleh Timbalan Pengarah (Messaging and Engagement), Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Shakera Stationwala.

Semasa berada di Jabatan Penerangan, para delegasi juga turut diberikan taklimat mengenai strategi kerja Jabatan Penerangan yang merangkumi tiga strategi kerja, iaitu Komunikasi Bersemuka, Media Cetak dan Media Baharu yang disampaikan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.

Rombongan seterusnya dibawa melawat pameran di ruang lobi jabatan berkenaan.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman serta berkongsi



PARA pegawai daripada Republik Singapura yang mengikuti Program Pertukaran tersebut mendengarkan taklimat daripada Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli.

maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan kedua negara dalam memelihara, meningkatkan serta mencemerlangkan imej Raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.



TIMBALAN Pengarah (Messaging and Engagement), Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Shakera Stationwala menyampaikan dua buah buku kepada Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Ramli.



PARA pegawai daripada Republik Singapura yang mengikuti Program Pertukaran tersebut dibawa melawat pameran di Ruang Lobi Bangunan Baharu, Jabatan Penerangan.

Percambahan ilmu kepada para peserta Program Perkampungan Sivik

Oleh: Marlinawaty Hussin/Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Oktober. - Kesan penyalahgunaan dadah seperti syabu, dadah jenis sintetik dan ganja pada jangka masa panjang akan menyebabkan hilang ingatan, kerosakan urat saraf yang tidak dapat dipulihkan serta gila akibat halusinasi dan delusi.

Menurut Penolong Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) di Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Dayang Wasulhana binti Haji Sudin, menanam jenis-jenis dadah tersebut adalah merupakan satu kesalahan di negara ini.

Dayang Wasulhana mengongsikan perkara tersebut semasa sesi taklimat Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Ke-2 2017 yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Beliau juga menekankan mengenai kesan penyalahgunaan dadah berkenaan kepada kesihatan badan manusia dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.



TAKLIMAT Bahaya Dadah dan Sindiket Dadah Antarabangsa disampaikan oleh Penolong Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) di Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Dayang Wasulhana binti Haji Sudin.

Sesi taklimat seterusnya disampaikan oleh pegawai dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN) yang antara lain menerangkan mengenai latar belakang jabatan berkenaan yang mula ditubuhkan pada 1 Ogos 1993.

Antara jenis ancaman berkaitan dengan keselamatan dalam negeri yang diberi perhatian oleh Jabatan KDN termasuk keganasan dan subversif.

Peserta Perkampungan Sivik tinjau perusahaan ladang cili

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Isnin, 30 Oktober. - Seramai 26 peserta Perkampungan Sivik telah berpeluang melawat Ladang Cili Syarikat ECO Nadi Agrobiz yang bertapak di Kawasan Kemajuan Pertanian, Kampung Sinaut, Tutong.

Mengetuai rombongan ialah Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Lawatan dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Muhd. Ayub bin Haji Suhaili yang menerangkan serba sedikit mengenai latar belakang mengenai ladang cili serta tanaman menggunakan fertigasi, dan seterusnya peserta dibawa melawat ke ladang tanaman beliau.



AWANG Haji Muhd. Ayub semasa menerangkan kepada para peserta mengenai tanaman beliau.



PARA peserta mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Muhd. Ayub bin Haji Suhaili.



PEMILIK Syarikat ECO Nadi Agrobiz, Awang Haji Muhd. Ayub bin Haji Suhaili semasa menyampaikan taklimat pada lawatan tersebut.



AWANG Haji Muhd. Ayub semasa menerangkan mengenai tanaman menggunakan fertigasi kepada para peserta.

Peserta Perkampungan Sivik didedahkan dengan pembuatan video

Oleh: Marlinawaty Hussin/Foto: Muhamad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Oktober. - Program Perkampungan Sivik diteruskan lagi dengan Sesi 12, Aktiviti Percambahan Fikiran mengenai Pembuatan Video di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Sesi dimulakan dengan pengenalan mengenai pembuatan video oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan di Jabatan Penerangan.

Beliau antara lain memberitahu para peserta perkampungan sivik bahawa antara perkara penting dalam pembuatan video adalah penyampaian cerita yang dapat menarik minat para penonton.

Para peserta kemudian mengadakan sesi ‘brainstorming’ dan perbincangan secara berkumpulan mengenai penggambaran yang akan mereka mulakan mengenai aktiviti-aktiviti yang telah mereka jalani sepanjang program perkampungan sivik berkenaan.



LEPASAN Ijazah Negara Brunei Darussalam yang mengikuti Program Perkampungan Sivik bagi sesi 12.

Peserta Program Perkampungan Sivik hadiri taklimat

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

MUKIM SUNGAI KEBUN, Selasa, 31 Oktober. - Sesi kelapan dan kesembilan pada hari ketiga Program Perkampungan Sivik diteruskan lagi dengan dua sesi taklimat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Acara dimulakan dengan taklimat mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) yang disampaikan oleh Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim dari Urusetia Sekretariat MIB, diikuti dengan Taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Syari'e, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Affie Azirah binti Musa dan Pegawai Ugama, Unit Perundangan Islam, KHEU, Dayang Nurshazana binti Haji Kahar.

Ia juga diisikan dengan sesi soal jawab yang dibukakan kepada para peserta untuk mengajukan soalan pada penghujung kedua-dua taklimat tersebut.



ANTARA peserta yang mengajukan soalan.

Delegasi Singapura adakan lawatan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid/Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad/Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Hamzah Mohidin/Azmah Haji Ahad/Mohd. Zul Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Oktober. - Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) telah menerima lawatan dari lima orang pegawai Republik Singapura yang mengikut Program Pertukaran Pegawai dari Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam di bawah Memorandum Persefahaman di bidang Penyiaran dan Penerangan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam. Pada hari berikutnya lawatan diteruskan lagi ke Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.



BERKESEMPATAN bergambar kenangan bersama Pemangku Pengarah, Awang Rahim bin Haji Ismail dan Pegawai-pegawai NDMC.



KETUA rombongan, Timbalan Pengarah (Messaging and Engagement), Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Shakera Stationwala menyampaikan cenderamata kepada Timbalan Pengarah (Operasi) RTB, Madam Lim Soh Kwang dan seterusnya bergambar ramai.



SEMASA mengadakan lawatan ke Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Mohammad Hardee bin Saflī	Pekerja Tingkat V	Kursus Induksi Institut Perkhidmatan Awam	9-17 Oktober 2017	IPA
Mohamad Azmi bin Awang Damit	Pegawai Foto	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Haji Ariffin bin Mohd.Noor/ Morshidi	Penolong Pegawai Foto Tingkat I	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Masri bin Osman	Penolong Pegawai Foto Tingkat II	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Tengah	Penolong Pegawai Foto Tingkat II	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Hamzah bin Mohidin	Penolong Pegawai Foto Tingkat II	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Pegawai Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Haji Mohd. Amalul Muttaqin bin Haji Ismail	Penolong Pegawai Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh	Pegawai Luar Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	Pegawai Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Nurzahirah binti Haji Osman	Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Muhammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim	Pegawai Luar Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan kali ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Sastraa Sarini binti Haji Julaini	Pegawai Penerangan Kanan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Ezawati Hanim binti Abdullah@ Dk. Nasibah Hanim binti Pg. Haji Bakar	Pegawai Penerangan	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Pg. Hajah Fatimah binti Pg. Haji Md. Noor	Penolong Penyunting Tingkat I	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Abdul Hadi bin Haji Suhaili	Penolong Pegawai Penyemak Tingkat I	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Nor Hanizah binti Haji Abd. Halim	Penolong Penyunting Tingkat 1	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Hajah Siti Zuraiyah binti Awang Sulaiman	Pemberita	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Mohammad Ike Iqrami bin Haji Suhaimi	Pereka Tingkat III	Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20	21 Oktober 2017	Dewan Teater, Level 1, JPM
Sastraa Sarini binti Haji Julaini	Pegawai Penerangan Kanan	Strategic Leadership	23-24 Oktober 2017	IPA
Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar	Penolong Pegawai Penerangan	National Standard Operating Procedure (NaSOP)	23 Oktober 2017	CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre
Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya	Pegawai Luar Penerangan	National Standard Operating Procedure (NaSOP)	23 Oktober 2017	
Mohammad Armie bin Haji Untong	Penyelia Sistem	Knowledge Sharing Session: Ace your interview for PSC Recruitment	28 Oktober 2017	EGNC An-Nadwah
Sabriah binti Awang Puasa	Penjadual	Knowledge Sharing Session: Ace your interview for PSC Recruitment	28 Oktober 2017	

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
<http://infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242